



Kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon menjawab

Pemuda pendam hasrat berkahwin

SAYA lepasan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan kini terbabit dalam perniagaan sendiri bagi menyara kehidupan yang mencabar.

Perjalanan hidup seseorang itu adalah belajar di universiti, mendapat kerja dan berkahwin. Oleh kerana memilih menjadi usahawan berjaya, saya terpaksa menempuh laluan berliku.

Memang dunia perniagaan memerlukan usaha gigih dan pendapatan permulaan yang dijana tidaklah besar. Justeru hasrat untuk berumah tangga terpaksa dipendam dulu.

Sebagai manusia, saya tidak terlepas daripada perasaan ingin dikasihi, namun atas nasihat beberapa ustaz, mereka melarang saya bercinta kerana berkasihi menurut Islam adalah haram dan membawa maksiat.

Tidak hairanlah Islam menuntut

perkahwinan disegerakan supaya murah rezeki.

Untuk mengadakan majlis perkahwinan pada zaman ini memerlukan belanja besar, justeru saya pendam hasrat berkahwin demi memajukan perniagaan.

Saya faham dalam kalangan ibu bapa Melayu, mereka kurang yakin memilih menantu golongan bekerja sendiri kecuali yang terbukti sudah berjaya.

Setiap hari saya berasakan jiwa saya kosong kerana tiada teman di sisi selain semangat ingin berjaya agak merudum. Seorang

demi seorang perempuan yang saya suka dan pernah berkawan terlepas ke tangan orang lain hanya kerana saya melarang diri daripada bercinta.

Bukan tidak berani berterus terang atau melamar, tapi saya perlu menstabilkan perniagaan dulu agar mampu meminang wanita idaman.

Apa yang perlu saya lakukan Dr? Adakah saya perlu berterusan membiarkan diri ini sepi? Bagaimana saya ingin memastikan perempuan yang disukai itu dimiliki tanpa perlu bercinta?

Saya yakin akan mencapai

kekayaan hasil usaha keras ini dalam beberapa tahun. Segala yang dilakukan untuk bakal isteri dan keluarga.

Apa yang perlu saya lakukan Dr, adakah salah saya menolak cinta?

**Jejaka sunyi
Shah Alam, Selangor.**

JAWAPAN

PERNIAGAAN satu pekerjaan mulia dan Islam amat menggalakkan perniagaan manakala negara memerlukan ramai usahawan muda berjaya. Sikap adik yang mempunyai fokus dan semangat tidak mudah menyerah adalah antara ciri-ciri kejayaan seorang peniaga.

Jujurnya, Dr amat bangga dengan keinginan dan usaha adik untuk menjadi usahawan dan mendoakan satu hari nanti menjadilah usahawan disegani.

Soal jodoh ketentuan Tuhan. Bagaimanapun, adik perlu berusaha mendapatkannya.

Perkahwinan suatu ibadah murni yang disyariatkan Allah SWT kepada hamba-Nya dan mempunyai hikmah sangat besar.

Selain menunaikan perintah Allah SWT dan mengikut sunnah Rasulullah s.a.w, ia adalah saluran yang sah dan suci untuk mengembangkan zuriat, menyalurkan perasaan kasih sayang dan memenuhi keinginan syahwat mengikut saluran halal di sisi agama.

Perkahwinan juga jalan penyelesaian bagi masalah dan jenayah sosial dalam masyarakat seperti khalwat, zina dan rogol.

Islam tidak menganjurkan umatnya mengadakan majlis perkahwinan glang gemilang, tapi sederhana dan berkat. Keberkatan dalam majlis perkahwinan bermakna jauh daripada sifat ingin menunjuk-nunjuk, tiada unsur maksiat, membazir dan ada doa kesyukuran.

Islam mengesyorkan umatnya sederhana dalam kehidupan.

Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah pada tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), makanlah serta minumlah dan jangan melampau-lampau, sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melampau. (al A'raf: 31).

Mengenai kehidupan adik yang masih tidak menentu daripada segi pendapatan, jika bakal jodoh ikhlas menerima, tentu dia sanggup menghadapi susah senang bersama.

Dr yakin bukan semua ibu bapa masyarakat Melayu kurang meyakini jika bakal menantu hanya bekerja sendiri (pendapatan tidak tetap).

Kesungguhan diri, rajin, tidak mensia-siakan isteri adalah faktor yang dicari ibu bapa dalam mencari calon menantu. Dr melihat ciri-ciri itu dalam diri adik. Selamat berjaya dalam perniagaan serta pencarian jodoh.

SAYA anak perempuan dan belum berkahwin. Saya tinggal bersama ibu manakala ayah meninggal tiga tahun lalu.

Sejak ketiadaan ayah, ibu mula berkawan dengan lelaki yang lebih muda daripada saya. Ada sekali adik saya dengan tidak sengaja dapat membaca mesej daripada seorang lelaki yang berunsur lucah dan kami meluat membacanya.

Terdapat juga mesej yang menyatakan lelaki itu meminjam duit daripada ibu. Duit yang kami beri kepada ibu setiap bulan dengan mudah ibu beri kepada lelaki hipokrit itu.

Kami berkali-kali berusaha menghalang ibu berkawan dengan lelaki itu, namun tindakan itu tidak diterima ibu. Malah, ibu memarahi kami kerana mencampuri urusannya.

Kami tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini kerana bagi ibu, kami sebagai anak perlu dengar katanya dan tidak berhak untuk menasihatinya.

Bagi saya, seorang ibu tidak semestinya tidak pernah melakukan dosa dan seorang anak perlu menasihatinya lebih-lebih lagi anak lelaki.

Masalahnya, adik lelaki saya sendiri malas mengambil tahu hal ibu ini kerana bagi mereka ibu sudah tua dan patut lebih tahu dosa pahala.

Sikap ibu ini membuatkan saya tertekan dan selalu berdoa agar ibu insaf dan sedar. Tapi hingga kini masih tidak nampak perubahannya.

Bantulah saya Dr. Saya

Ibu jadi alat lelaki muda

benar-benar tertekan kerana sayangkan ibu dan tidak mahu lelaki itu mempergunakan ibu sebagai sumber kewangannya.

JAWAPAN

DR lihat adik begitu mengambil berat mengenai ibu. Tahniah kepada adik kerana itu adalah tanggungjawab seorang anak.

Berdasarkan apa yang diceritakan, adik risau mengenai hubungan ibu dengan lelaki yang jauh lebih muda daripadanya. Umur mereka juga lebih muda daripada adik. Kebaikan ibu juga dipergunakan dan diperalatkan lelaki itu sebagai sumber kewangan.

Memahami situasi ibu akan membantu adik menangani isu ini. Ibu adik mempunyai sebab tersendiri atas perlakuannya, namun tidak bermakna ibu tidak terlepas melakukan kesilapan.

Seorang isteri yang kematian suami sering rasa kesunyian. Ibu adik mungkin kesunyian selepas tiga tahun kehilangan pasangan untuk mengisi ruang kesunyian dalam hidupnya.

Sebagai anak, adik tentu mempunyai kehidupan tersendiri. Begitu juga dengan adik-beradik yang lain. Faktor ini mungkin menyebabkan ibu mencari sumber lain untuk mengisi ruang makna hidupnya. Pada usia ibu adik yang semakin lanjut, ibu memerlukan perhatian dan kasih sayang.

Melalui cara berkenalan dengan lelaki muda, ibu rasa diberi perhatian. Malangnya, hasrat itu dipergunakan kenalan ibu.

Selain menggunakan kata-kata lucah, pasangan ibu juga meminjam wang daripadanya. Ibu pula memberi pinjaman dengan tujuan meneruskan hubungan dengan lelaki itu. Hubungan ini ternyata tidak berpaksikan kepada keikhlasan.

Sebagai seorang anak, adik perlu berbincang dengan adik-beradik yang lain cara untuk mengatasi permasalahan yang berlaku. Jika adik ingin berbincang dengan ibu, gunakanlah cara bertilikhmah. Islam amat menggalakkan teguran secara bertilikhmah.

Selain itu, minta bantuan orang yang dipercayai ibu (seperti ibu saudara atau kerabat terdekat) yang adik rasakan sesuai untuk menegur ibu. Lumrahnya, seorang ibu sukar menerima pendapat atau teguran anak tapi lebih mudah menerima teguran daripada orang yang dihormati.

Dr harap adik tidak mudah berputus asa dengan permasalahan yang melanda keluarga. Selalulah berdoa kepada Allah agar melembutkan dan memberi hidayah kepada ibu adik untuk berubah satu hari nanti.

